

# Qalam

Bilangan 60- Dhūlqa‘idah 1374- Julai 1955- 60 sen

## Siapakah yang Berkuasa?

Pertanyaan: Siapa yang berkuasa di dalam pemerintahan Singapura ini sudah tidak asing lagi dengan terbitnya pemogokan dan huru hara (rusuhan yang berlaku) baharu-baharu ini. Pertanyaan itu adalah sangat sukar mendapat jawapan, jika melihat kepada keadaan-keadaan yang berlaku, yang berjalan dan terjadi di sini.

Pemogokan dan rusuhan yang terbit baharu-baharu ini adalah menjadi suatu keterangan mengapa pertanyaan itu terbit. Suatu pemogokan yang berlaku latar belakangnya sudah dapat dilihat dengan terang. Latar belakang itu tidak lain daripada orang-orang jahat (persekutuan sulit) yang mengugut pekerja-pekerja itu dengan ugutan-ugutan yang keras, sehingga boleh membinasakan jiwanya, jika mereka enggan mengikut kemahuan mereka.

Dengan ugutan-ugutan yang demikian, yang nampaknya kerap kali dibuktikan oleh mereka maka orang-orang yang suka aman dan damai, yang mencari kerana sesuap pagi dan petang, terpaksa mengikut dan tertakluk kepada ugutan-ugutan itu sekalipun banyak daripada mereka itu yang mengeluh disebabkan oleh periuk nasi mereka terpaksa kosong. Anak mereka menangis kerana kepayahan-kepayahan hidup yang diderita mereka kerana megikut sesuatu kehendak yang berlawanan dengan jiwa mereka.

Bencana-bencana yang terbit daripada keadaan ini sudah terang bukannya sahaja kepada diri orang itu tetapi juga kepada

keselamatan dan kesejahteraan orang ramai dan kerana itulah terbit pertanyaan yang demikian daripada orang ramai disebabkan nampaknya kerajaan seolah-olah tidak berupaya menghadapi dan membersihkan anasir-anasir pengacau hidup yang bermaharajalela di negeri ini- yang lain dengan cara yang terlampau lembut oleh kerajaan.

Dengan kepercayaan kepada kuasa di tangan kerajaan sudah tentu kuat kuasa yang penuh yang ada kepadanya mesti dijalankan untuk membersihkan anasir-anasir yang serupa itu. Kerajaan mesti membuat kuatkuasa tangan besi di atas mereka kerana sekiranya tidak dibuat maka orang-orang umum akan berpendapat bahawa kerajaan tidak mempunyai kekuasaan yang berkuasa ialah pihak-pihak pengacau jua.

\* \* \*

## Berhati-hatilah!

Pilihanraya Persekutuan Tanah Melayu akan diadakan pada 27 Julai yang akan datang. Banyak calon-calon daripada berbagai-bagai pertubuhan dan parti bebas telah dikemukakan.

Dengan adanya calon-calon itu maka “perang ucapan” sudah mulai berlaku terutamanya oleh masing-masing pihak yang berhajat hendak memikat hati rakyat.

Pengundi-pengundi yang berhak mengundi di Persekutuan Tanah Melayu itu adalah pada umumnya dikuasai oleh bangsa Melayu, dikecualikan pada satu tempat di Perak ( Ipoh-Mengelembu) sahaja yang orang-orang Melayu tidak ada harapan boleh menang.

Melihat kepada besar erti pilihanraya itu untuk menjalankan pertadbiran di Persekutuan Tanah Melayu pada masa yang akan datang maka sudah pada tempatnya bagi orang-orang Melayu berhati-hati dan bercermat dengan bersungguh-sungguh tatkala memberikan undinya, dan kita hanya mengesyorkan supaya pengundi-pengundi Melayu itu berjaga-jaga benar supaya undiannya jangan dapat dibeli oleh bangsa-bangsa lain.

Kita meminta dan mengesyorkan kepada pengundi-pengundi di Persekutuan Tanah Melayu ini supaya mengundi calon-calon

daripada bangsa Melayu- dengan tidak memandang apa jua partinya. Janganlah hendak tiap-tiap pengundi Melayu itu dapat dipujuk atau dipengaruhi untuk mengundi bangsa lain kerana walau bagaimanapun, kita orang-orang Melayu yang umumnya beragama Islam, patut memerhatikan ayat-ayat Tuhan yang menyuruh kita bercermat dan beringat kepada berkawan dengan orang-orang yang tidak seagama dengan kita baik ia daripada penjajah ataupun daripada penjajah ekonomi.

Wahai umat Melayu yang mulia! Bercermatlah pada memberi undi! Undilah bangsa Melayu sendiri! Ingatlah jangan terpedaya oleh dakyah-dakyah sesuatu pihak yang kelak menggunakan ayat-ayat Allah untuk menyatakan bahawa Tuhan menyuruh berbaik-baik dengan bangsa-bangsa- dengan tidak menyertakan ayat-ayat lain pula yang menyuruh kita beringat-ingat kepada mereka.

Kita disuruh berbaik-baik tetapi tidak bermakna kita menyerahkan kepercayaan kita kepadanya dengan sepenuh hati dan melantik pula mereka sebagai ketua-ketua kita yang bakal mentadbirkan hal ehwal kita. Ingatlah! Janganlah mudah terpengaruh dan dipengaruhi! Janganlah mudah mendengar cakap yang berdegar-degar dan tempik sorak yang bergemuruh tetapi tenangkan dan gunakanlah fikiran. Tanah Melayu ialah tanah air kamu- kamulah bangsa Melayu yang dipertuan baginya kerana itu pilihlah orang Melayu daripada bangsa kamu sendiri, baik daripada parti apa pun.

\* \* \*

### Lebih baik di tempat *dancing*?

Menurut berita yang tersiar di dalam perjumpaan majlis ramah tamah anjuran “Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya” Ungku Abdul Aziz, Pensyarah Ekonomi Universiti Malaya di antara lain-lain dikatakan berkata: “Jika pihak akhbar dan radio hendakkan karangan-karangan yang baik, maka bayaran hendaklah lebih. Membuat sesuatu karangan

tentulah memakan masa yang lama terutamanya untuk penyelidikan dan yang demikian tenaga ini haruslah dibayar. Kerana mereka fikir apa gunanya penat-penat kalau karangan-karangannya tidak dibayar mahal, dan lebih baik duduk-duduk main terup atau di kelab *dancing*.”

Kita tidak manafikan bahawa makalah-makalah yang berisi itu perlu kepada penyelidikan yang lama dan bersungguh-sungguh tetapi seperkara yang mendukacitakan sangat bahawa di dalam masa keadaan-keadaan yang serba kekurangan di dalam penerbitan-penerbitan kita sekarang rupanya ada di antara “kaum terpelajar” yang hanya suka mengharung ruangan alam bahasanya, mempertinggi kedudukan bahasanya tidak muhu menjalankan usahanya sebagai suatu kerja tanggungjawabnya sebagai orang Melayu kerana ia terang semata-mata menjalankan usahanya itu didasarkan di atas kebendaan dan mereka lebih senang duduk bermain terup atau duduk di kelab dancing daripada membuat khidmat kepada bahasa dengan cara bergotong-royong!

Tidak seorang pun yang dapat manafikan bahawa taraf penerbitan-penerbitan kita sangat rendah dan pasaran-pasaran penerbitan itu sangat sempit sehingga banyak percubaan-percubaan yang dijalankan untuk mengadakan penerbitan-penerbitan itu yang gulung tikar-memberhentikan penerbitannya di dalam masa yang singkat jua. Yang demikian ini lebih-lebih lagi di dalam usaha-usaha untuk mengadakan bacaan-bacaan yang tinggi yang berupa pengetahuan.

Perkataan Dato’ Onn dalam hal ini benar- usaha-usaha itu jika hanya diharap kepada tenaga sukarela sahaja tentulah akan hilang begitu sahaja.

Kelemahan yang didapat di dalam usaha memajukan bahasa dan kesusasteraan Melayu itu, menurut pendapat kita, bukanlah kerana sekarang tidak ada pengusaha-pengusaha Melayu yang boleh menjalankannya tetapi yang menjadi sebab ialah tidak ada satu-satu jaminan yang dapat menjamin bahawa sekurang-kurangnya modal -sambungannya pada muka 40.